

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Jalan Sultan Hishamuddin,
Kuala Lumpur.

1hb. Jun, 1970

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 11 TAHUN 1970

Tuan,

Sukatan Pepereksaan Baharu bagi Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri dan Perkhidmatan Pentadbir Melayu

Saya adalah di arah menyatakan bahawa mengikut Sekim Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri, pegawai-pegawai Perkhidmatan itu disharatkan lulus :-

- (i) Darjah II Pepereksaan bahasa Melayu Kerajaan ;
- (ii) Bahagian I, II dan III Pepereksaan Undang-undang Kerajaan ; dan
- (iii) Pepereksaan-pepereksaan dalam Peratoran dan Amalan Diplomacy dan Peratoran Perkhidmatan Luar Negeri.

dan pegawai Perkhidmatan Pentadbir Melayu pula dikehendaki mengikut Sekim Perkhidmatannya, lulus :

- (i) Darjah II Pepereksaan Bahasa Melayu Kerajaan, dan
- (ii) Bahagian I, II dan III Pepereksaan Undang-undang Kerajaan

2. Adalah di putuskan bahawa mulai daripada 1hb. Januari 1971 pegawai-pegawai Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri disharatkan lulus, selain daripada Peringkat II Pepereksaan Bahasa Melayu Kerajaan mengikut Peratoran Pepereksaan itu yang terkandong dalam Perj. Sulit 1336/42A, pepereksaan-peperekson yang digelarkan Pepereksaan Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri. Pepereksaan Perkhidmatan itu adalah di pechahkan ke dalam empat bahagian seperti berikut :-

- | | | |
|--------------|---|--|
| Bahagian I | - | Perlembagaan dan Undang-undang Berkaitan (The Constitution and Related Laws) |
| Bahagian II | - | Undang-undang Umum (General laws) |
| Bahagian III | - | Perentah dan Arahan-arahan Pentadbiran (Administrative Orders and Instructios) |
| Bahagian IV | - | Peratoran dan Amalan Diplomacy (Procedure and Practice of Diplomacy) |

3. Bersamaan dengan tarikh yang tersebut itu juga pegawai-pegawai Perkhidmatan Pentadbir Melayu adalah disharatkan lulus, selain daripda Peringkat II Pepereksaan Bahasa Melayu Kerajaan, Pepereksaan Bahagian I, II dan III yang tersebut di atas itu.

4. Oleh sebab pegawai-pegawai Perkhidmatan Pentadbir Melayu boleh, mengikut sharat-sharat dalam Sekim Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri, di pertimbangkan bagi dilantek kepada jawatan-jawatan Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri, pegawai-pegawai Perkhidmatan Pentadbir Melayu, dengan kemahuannya sendiri, bolehlah dibenarkan memasokki Pepereksaan Bahagian IV juga asalkan mereka terlebih dahulu lulus Bahagian I, II dan III Pepereksaan Perkhidmatan serta Peringkat II Pepereksaan bahasa Melayu Kerajaan. Jika mereka lulus pepereksaan Bahagian IV itu tatkala mereka maseh berkhidmat dalam Perkhidmatan Pentadbir Melayu, mereka tidaklah perlu mengambil pepereksaan itu lagi apabila mereka dilantek sebagai pegawai Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri kelak.

5. Adalah ditegaskan bahawa bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Pentadbir Melayu kelulusan pepereksaan Bahagian IV itu tidak bermama'na mereka boleh di beri keutamaan dalam pilihan bagi memasokki Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri. Sama ada mereka lulus atau tidak pepereksaan Bahagian IV itu, mereka akan ditimbangkan, setakat yang mengenai pepereksaan, atas asas yang sama.

6. Sukatan Pepereksaan bagi Pepereksaan Perkhidmatan yang baharu itu adalah yang terchatit dalam [Lampiran 'A'](#) Surat Pekeliling ini.

7. Dalam tahun 1971, soalan-soalan bagi Pepereksaan yang baharu itu akan di sediakan dalam kedua-kedua Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris dan pegawai-pegawai akan diberi pilihan menjawabnya dalam salah satu bahasa itu. Dalam tahun 1972, soalan-soalan akan disediakan dalam bahasa Kebangsaan sahaja akan tetapi pegawai-pegawai akan dibenarkan menjawabnya dalam Bahasa Kebangsaan atau dalam Bahasa Inggeris. Mulai tahun 1973 soalan-soalan akan disediakan dan chalun-chalun hendaklah menjawabnya dalam Bahasa Kebangsaan sahaja.

8. Sukatan Pepereksaan bagi Pepereksaan Undang-undang Kerajaan yang terdapat pada muka surat 151 -153 "Handbook of Examinations" setakat mana yang mengenai Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri dan Perkhidmatan Pentadbir Melayu, [Lampiran 'A'](#) pada muka surat 153 "Handbook of Examinations" itu, Sukatan Pepereksaan bagi Bahagian IIB yang terchatit di hujungan Surat Pekeliling Perkhidmatan 16/1969 serta Sukatan Pepereksaan bagi "Procedure arrd Practice of Diplomacy and External Affairs & Service Regulations" yang terkandong dalam Lampiran yang dikembarkan pada surat Jabatan ini Perj.Sulit 2788/7 adalah di mansokhkan pada 1hb. Januari, 1971.

9. Pepereksaan mengikut Sukatan sekarang akan di adakan pada kali akhirnya dalam bulan November, 1970.

10. Pegawai-pegawai dalam perchubaan yang telah lulus beberapa bahagian pepereksaan mengikut Sukatan sekarang tetapi belum lulus yang lainnya akan diberi pengechualian daripada Pepereksaan Perkhidmatan seperti berikut :-

Lulus Pepereksaan Mengikut Sukatan sekarang	Pengechualian daripada Pepereksaan Perkhidmatan
(i) Bahagian I	Pechahan (i) Kertas A Bahagian II
(ii) Bahagian IIA	Bahagian I dan Pechahan (ii) Kertas B Bahagian II serta Pechahan (i) Kertas B Bahagian II
(iii) Bahagian IIB	Pechahan (ii) Kertas B Bahagian II

(iv)	Bahagian III	Bahagian III
(v)	Procedure and Practice of Diplomacy and External Affairs Regulations	Bahagian IV

11. Dengan pengechualian yang akan dibuat seperti diatas itu dan oleh sebab mengikut Sukatan Pepereksaan yang baharu itu Kertas B bagi Pepereksaan Bahagian II terbahagi kepada dua Pechahan ia itu Pechahan (i) dan Pechahan (ii) serta bagi maksud lulus Kertas B itu pegawai-pegawai di benarkan memilih salah satu daripada dua pechahan itu, pegawai-pegawai yang telah lulus Bahagian IIA atau Bahagian IIB pepereksaan sekarang, tidaklah perlu lagi mengambil pepereksaan baharu dalam Kertas B Bahagian II itu mulai daripada tarikh berjalannya kuatkuasa Sukatan Pepereksaan yang baharu itu iaitu 1hb. januari 1971. Mulai daripada tarikh itu juga **Surat-surat Pekeliling Perkhidmatan bilangan 16 dan 24 tahun 1969** akan mansokh kuatkuasanya.

Saya yang menurut perentah

(ABDUL RAHMAN BIN ABU HASSAN)
Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Setia Usaha-Usaha Tetap/Setia Usaha-Usaha Kementerian.

Setia Usaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kuala Lumpur.

Yang Berhormat, Setia Usaha Kerajaan Negeri (termasuk Sarawak).

Setia Usaha Tetap kepada Ketua Menteri, Sabah.

Setia Usaha Persekutuan Sarawak.

Setia Usaha Persekutuan Sabah.

Pegawai Perjawatan (Persekutuan) Sabah & Sarawak.

**PEPEREKSAAN PERKHIDMATAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI
PERKHIDMATAN DALAM DAN LUAR NEGERI MALAYSIA**

- | | |
|--|--|
| 1. Keseringan dan Tarikh Pepereksaan: | Dua kali setahun |
| 2. Tempat Pepereksaan: | Tempat yang dipersetujukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. |
| 3. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada: | Seperti yang ditetapkan dalam surat pengumuman pepereksaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. |
| 4. Tarikh Akhir mengemukakan permohonan: | Sabulan sebelum tarikh Pepereksaan. |
| 5. Sukatan (termasok kertas, kursus pengajian, markah dan masa yang ditetapkan): | |

Bahagian 1: Perlembagaan dan Undang-undang berkaitan

Satu kertas yang terbahagi kepada 2 Pechahan yang dikehendaki dijawab dalam tempoh 3 jam. Pechahan (i) akan mengandungi 3 soalan mengenai Perlembagaan yang diwajibkan dijawab semuanya. Pechahan (ii) akan mengandungi 7 soalan mengenai Perlembagaan dan Undang-undang yang berkaitan dan 3 daripadanya sahaja dikehendaki dijawab.

Senarai Bachaan

The Federal Constitution

Yang Di Pertuan Agong (Exercise of Functions) Ordinance, 72/1957.

Houses of Parliament (Privileges and Powers) Ordinance, 15/1952.

Timbalan Yang di Pertuan Agong (Renumeration) Ordinance, 19/1958.

Assistant Ministers' Act, 5/1960.

Service Commissions Ordinance, 74/1957.

Internal Security Act, 18/1960.

Prevention of Crime Ordinance, 13/1959.

Banishment Ordinance, 11/1959.

Restricted Residence Enactment (FMS Cap 29).

Public Order (Prevention) Ordinance, 46/1958.

National Language - FM. Act, 10/1963 and Malaysian Act, 7/1967.

Senarai Bachaan Tambahan

- | | | |
|-------------|---|---|
| Ordinance 1 | - | Emergency (Essential Powers) Ordinance, 1969 (P.U. (A) 146/15.5.1969). |
| Ordinance 2 | - | Emergency (Essential Powers) Ordinance, No. 2 1969 (P.U. (A) 149/17.5.1969). |
| Ordinance 3 | - | Emergency (Essential Powers) Ordinance, No. 3 1969 (P.U. (A) 170/27.5.1969). |
| Ordinance 4 | - | Emergency (Internal Security) (Modification of Laws) Ordinance, 1969 (P. U. (A) 186/13.6.1969). |
| Ordinance 5 | - | Emergency (Public Orders and Prevention of Crimes) Ordinance, 1969 (P.U. (A) 187/13.6.1969). |
| Ordinance 6 | - | Emergency (Essential Powers) Ordinance, No. 6 1969 (P.U. (A) 219/ 27.6.1969). |
| Ordinance 8 | - | Emergency (Essential Powers) Ordinance, 1969 (P.U. (A) 307B/9.8.1969). |

Chalun-chalun dibenarkan merujuk kepada Undang-undang yang tersebut di atas sahaja.

Bahan Ba chaan Lain yang Berfaedah

Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia oleh Dato' Mohd Salleh bin Abbas.

The Constitution of Malaysia by Harry E. Groves.

The Constitution of Malaysia by L.A. Sheridan & Harry E. Groves.

An Introduction to the Federal Constitution by R.H. Hickling.

Malayan Constitutional Reportss, 1957.

The Malaysian Parliament (Practice & Procedure) by Ahmad Abdullan

markah: 100

Masa: 3 jam

Bahagian II : Undang-undang Umum

2 Kertas iaitu Kertas-kertas A dan B

Kertas A

Kertas ini terbahagi kepada 2 pecahan yang dikehendaki di jawab dalam tempoh 3 jam. Pecahan (i) akan mengandungi 5 soalan mengenai Evidence Ordinance dan 3 daripadanya sahaja

dikehendaki di jawab. Pechahan (ii) akan mengandungi 7 soalan mengenai Undang-undang yang berikut dan 3 daripadanya sahaja di kehendakki di jawab:

- Delegation of Powers Ordinance, 1956
- Financial Procedure Ordinance, 1957.
- Interpretation and General Clauses Ordinance, 1948.
- Interpretation Act, 1967.
- Public Authorities Protection Ordinance, 1948.
- Government Contracts Ordinance, 1949.
- Contracts (Malay States) Ordinance, 1950.
- Prevention of Corruption Act, 1961.
- Official Secrets Ordinance, 1950.
- Government Proceedings Ordinance, 1956.

Senarai Bachaan Tambahan

- The Bankers Book Evidence Ordinance, 1949.
- The Stamp Ordinance, 1949 (Part VII).
- Chalun-chalun dibenarkan merujuk kepada Undang-undang yang tersebut di atas sahaja.

Markah: 100 Masa: 3 jam

Kertas B

Kertas ini terbahagi kepada 2 Pechahan iaitu Pechahan (i) dan (ii) yang dikehendakki di jawab dalam tempoh 3 jam. Chalun-chalun bolehlah memilih untuk menjawab soalan daripada salah satu Pechahan itu sahaja.

Pechahan (i) akan mengandungi 12 soalan mengenai Undang-undang yang berikut dan 7 daripadanya sahaja dikehendakki di jawab:

- National Land Code, 1965.
- Land Acquisition Act, 1960.
- Small Estates (Distribution) Ordinance, 1955.

Mining Enactment (FMS Cap 147).
Town Board Enactment (FMS Cap 137).

Local Council Ordinance, 1952.

Election Offences Ordinance, 1954.

Elections (Conduct of Elections) Regulations, 1959.

Chalun-chalun di benarkan merujuk kepada Undang-undang yang tersebut di atas sahaja.

Pechahan (ii) akan mengandungi 10 soalan mengenai Undang-undang berikut dan 6 daripadanya sahaja dikehendaki dijawab:

Manual of Consular Instructions.

Immigration Ordinance, 1959.

Immigration Act, 1963.

Immigration Regulations, 1963 and orders made thereunder.

Passport Act, 1966.

National Registration Act, 1959.

National Registration Regulations, 1960.

Chalun-chalun di benarkan merujuk kepada Undang-undang dan Peraturan di atas sahaja.

Markah: 100

Masa: 3 jam

Bahagian III: Perentah-perentah dan Arahan Pertadbiran

Kertas ini yang dikehendaki dijawab dalam tempoh 3 jam akan mengandungi 12 soalan mengenai Perentah-perentah dan Arahan-arahan yang berikut dan 8 daripadanya dikehendaki dijawab:

General Orders Cap. A and Cap. D.

Treasury Instructions.

Manual of Security Instructions.

Related circulars and circular letters.

Chalun-chalun tidak dibenarkan merujuk kepada Perentah dan Arahan - arahan yang tersebut di atas.

Markah: 100

Masa: 3 jam

Bahagian IV: Peraturan dan Amalan Diplomasi

Kertas ini dikehendakki di jawab dalam tempoh 3 jam. Soalan-soalan mengenai perkara-perkara berikut akan disediakan.

- (i) Conduct of External Relations Diplomatic agents, their status and privileges, forms of diplomatic intercourse. Congress and Conferences. Treaties and other international compacts, their negotiation and characteristic forms and ratification. Fundamental of International Law.
- (ii) Conventions on Territorial Seas and Contiguous Zones, the High Seas, Fishing and conservation of living resources on the High Seas and the Continental Shelf.
- (iii) Vienna convention of Diplomatic Relations (1961) together with the Final Act of the Conventions Optional Protocol and Resolutions.
- (iv) Historical Development of Diplomacy
 - (a) Greek and Roman System of Diplomacy
 - (b) Renaissance Diplomacy - The Italian and Venetian influence
 - (c) Developments in the 17th and 18th centuries - Hugo Grotius, the French System, Richelieu's Views and reforms and de Callieres on diplomacy
 - (d) The Old and the New Diplomacy Characteristics and the transition from old to new.

Bahan Bachaan yang di Perakuan

Guide to Diplomatic Practice by Sir Ernest Satow.

Evolution of Diplomatic Method (4th Edition) by H. Nilcolson.

The Principles and Practice of Diplomacy by K. K. Pannikar.

The Law of Nations by J.L. Brierly.

Vienna Convention on Diplomatic Relations, United Nations, 1969.

Optional Protocol concerning the compulsory Settlement of Disputes, United Nations, 1961.

Chalun-chalun tidak dibenarkan merujuk kepada Buku-buku yang tersebut di atas.

Markah: 100

Masa: 3 jam

- | | | |
|----|---|---|
| 6. | Markah lulus,
pengecualian dari-
pada pepereksaan
seterusnya | Bahagian I - 50%
Bahagian II - Kertas A - 50%
- Kertas B - 50%
Chalun-chalun boleh diberi
pengecualian daripada
Kertas yang mereka lulus.

Bahagian III - 50%
Bahagian IV - 50% |
| 7. | Pegawai yang layak
mengambil pepereksaan |) |

8. Pegawai-pegawai yang dikehendakki mengambil pepereksaan:)))
9. Tujuan Pepereksaan: Untuk pengesahan dalam jawatan.
10. Pemereksa: Bahagian I - Peguamchara Negara
Bahagian II Peguamchara Negara
-
- bahagian III Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- dan
Setia Usaha Tetap
Perbendaharaan
- Bahagian IV Setia Usaha Tetap Kementerian
- Luar Negeri.